

Keputusan terima parti serpihan ditunda

KOTA KINABALU, Sela-
sa - Barisan Nasional
(BN) menangguhkan ke-
putusan berhubung per-
mohonan dua parti serpi-
han Parti Bersatu Sabah
(PBS) untuk menyertai-
nya.

Perdana Menteri, Da-
tuk Seri Dr Mahathir
Mohamad, yang juga Pen-
gerusi BN berkata BN
masih menilai sokongan
rakyat terhadap kedua-
dua parti itu.

"Tidak guna jika kita
menerima mereka tetapi
mereka tidak mempunyai
sokongan rakyat," kata-
nya di persidangan akh-
bar di sini sebelum berle-
pas pulang ke ibu negara.

Beliau berkata, BN me-
nyedari kedua-dua parti
itu, Parti Demokratik Sa-
bah (PDS) dan Parti Ber-
satu Rakyat Sabah
(PBRS) sudah bekerja ke-
ras untuk menarik seba-

nyak mungkin sokongan.

"BN mahu melakukan-
nya (membuat keputusan)
dengan penuh kesabaran
kerana ia membabitkan
masa depan Sabah," kata
beliau dan menambah ba-
hawa kelewatan mem-
buat keputusan itu bukan
disengajakan.

Dr Mahathir berkata,
BN tidak mahu tergopoh-
gopoh mengenai perkara
itu kerana berpendapat
jika berlaku sesuatu yang
tidak baik nanti, ia sukar
diperbetulkan.

"Untuk memperbetul-
kan yang tidak baik le-
bih susah daripada
membuat sesuatu yang
dapat diterima semua
(pihak) dari awal," kata-
nya.

Perdana Menteri ber-
kata, BN akan mengada-
kan mesyuaratnya sece-
pat mungkin untuk me-
mutuskan perkara itu.